
UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Akhir
Sidang Akademik 2007/2008

April 2008

JMG 319 – Geografi Bandar dan Petempatan Manusia

Masa: 3 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi DUA muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan.

Jawab EMPAT (4) sahaja. Jika calon menjawab lebih daripada empat soalan, hanya empat soalan pertama mengikut susunan dalam skrip jawapan akan diberi markah.

Sertakan ilustrasi atau rajah di dalam jawapan anda bagi soalan yang berkaitan.

Baca arahan dengan teliti sebelum anda menjawab soalan.

Setiap soalan diperuntukkan 25 markah.

1. Salah satu tumpuan kajian Geografi Bandar dan Petempatan Manusia ialah mengkaji kesan perhubungan manusia ke atas alam sekitar mengikut dimensi masa dan ruang. Bincangkan.
(25 markah)

2. Sejauh manakah usaha untuk mentransformasikan sesebuah petempatan luar bandar yang indah, menarik dan menguntungkan dapat direalisasikan selaras dengan dasar Rancangan Malaysia Kesembilan?
(25 markah)

3. Pertumbuhan petempatan bandar yang pesat tanpa kawalan perancangan yang rapi membawa implikasi yang kurang kondusif dan tidak selamat untuk didiami oleh penghuninya. Bincangkan.
(25 markah)

4. Dengan berasaskan salah satu teori petempatan dan pembangunan gunatanah bandar, jelaskan bagaimana taburan, jarak dan susunan berupaya meningkatkan kefahaman tentang sistem petempatan masa kini.
(25 markah)

5. Pembentukan jenis-jenis petempatan di Malaysia dipengaruhi keadaan dan isu-isu semasa. Bincangkan.
(25 markah)

6. “Petempatan manusia merupakan sebuah pentas pembentukan budaya dan corak kehidupan manusia yang mempengaruhi bentuk fizikal dan identiti sesuatu tempat”. Bincangkan.
(25 markah)